

**Kawasan carian diperluas, kehilangan MH370 terus membingungkan
Malaysian Insider
10 Mac, 2014**

Tentera laut Amerika Syarikat turut bersama menyertai misi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370. malam itu baik. Langit cerah diterangi cahaya bulan. Kerlipan dan cahaya lampu dari pelantar minyak dan serta bot nelayan kelihatan jelas seperti rentetan mutiara menebari seluruh perairan di timur laut Kota Bharu. Dan pesawat MH370 yang terbang pada malam itu lenyap begitu sahaja.

Untuk tiga hari berturut-turut, lebih banyak kapal dan pesawat sedang mencari kehilangan Boeing 777- 200ER yang membawa 239 penumpang sejak ia terputus hubungan dengan pengawal trafik udara pada jam 1:30 pagi Sabtu.

Tiada siapa melaporkan terdapatnya letupan di udara dan pihak berkuasa Amerika Syarikat juga mengesahkannya daripada data yang diperolehi dari satelit dan radar pengesan di kawasan itu, yang juga salah satu bahagian paling sibuk di Laut China Selatan.

The Wall Street Journal hari ini melaporkan, misteri kehilangan pesawat MH370 adalah sesuatu yang penting sehingga zon lokasi yang disyaki dengan cepat menjadi zon ketenteraan dengan kehadiran pelbagai jet pejuang, kapal perang canggih dan berharga jutaan ringgit untuk bersama-sama menyertai misi mencari dan menyelamatkan.

Mereka mengenyahkan pemusuhan dan bekerjasama untuk mencari jet yang mempunyai penumpang dari 14 negara, majoritinya dari China.

Namun sehingga kini, tiada bukti kukuh ditemui berkenaan pesawat yang hilang tentang nasibnya atau di mana ia berada.

Tentera Laut Vietnam mendedahkan pada hari Ahad bahawa ia ternampak kemungkinan serpihan pesawat milik Malaysia Airlines (MAS) semasa rondaan Twin Otter, 50 batu di selatan barat daya pulau Tho Chu.

Tentera laut mengarahkan enam pesawat Twin Otter 400 DC Twin Otter 6-400 - yang boleh berlepas dan mendarat di atas air - daripada Kanada Viking Air Limited. Ia bagi meneruskan pencarian di siang hari.

Tentera lautnya menerima pesawat pertama pada akhir tahun lepas, versi terkini yang berharga C\$6 juta, tidak termasuk sensor elektronik canggih, lapor sebuah akhbar harian.

Ia menyertai lebih 40 kapal dan 20 pesawat lain dari China, Amerika Syarikat, Malaysia dan Singapura yang sedang menyertai operasi mencari dan menyelamatkan.

Tentera laut lain kini memperluaskan pencarian sejauh laut Andaman di pantai barat Thailand dan Selat Melaka antara Malaysia dan Indonesia.

Tentera Laut Amerika Syarikat menghantar sebuah kapal pemusnah dilengkapi dua helikopter yang tiba di kawasan carian awal Ahad lalu, manakala Lockheed Martin, pesawat pengawasan

Corp P -3C Orion dari Pangkalan Udara Kadena di Okinawa dijangka mula mencari pada hari Isnin.

Helikopter MH-60R dibina unit Sikorsky Aircraft dari Amerika Technologies Corp adalah berdasarkan USS Pinckney, turut dialihkan daripada latihan dan misi keselamatan maritim di perairan antarabangsa di Laut China Selatan. – 10 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kawasan-carian-diperluas-kehilangan-mh370-terus-membingungkan>